



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBACA METER (E.1-2-3 EB.4)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBACA METER
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = LAPAN (08)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC *National Trade Certificate Grade 3 (NTC3)* / BDTVEC *National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai pengalaman dalam pembacaan meter adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membaca Meter;
2. Menyelidik perjalanan meter yang tidak seimbang, meter-meter rosak, penyambungan haram dan juga pemecahan sel serta melaporkan kepada Merinyu Meter;
3. Menangani aduan kerosakan meter prabayar daripada pengguna;



4. Membuat pemeriksaan premis bagi proses *clearance certificate* untuk bersara atau pengguna yang mengosongkan rumah sewa mengikut zon masing-masing;
5. Melaporkan mana-mana pengguna yang menjalankan perniagaan haram kepada Merinyu Meter;
6. Membetulkan alamat-alamat pengguna yang salah;
7. Memasukkan data-data bacaan meter ke dalam *listing* mengikut kawasan yang telah ditetapkan;
8. Menyediakan dan menghantar tuntutan bil elektrik kepada pengguna-pengguna; dan
9. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai-pegawai dari semasa ke semasa.